

FAKTOR KEDATANGAN KUASA BARAT KE NEGARA KITA

Lengkapkan tempat kosong di bawah dengan jawapan yang paling tepat.

1. **Kestabilan dan kemakmuran** negara kita telah menyebabkan kuasa kuasa Barat berminat untuk memiliki kekayaan tersebut.
2. **Barangan mewah** yang ada serta menjadi pusat **pengumpulan barang** telah menyebabkan kedatangan kuasa Barat pada abad ke-16.
3. Penyebaran agama **Kristian** merupakan antara faktor penting penjajahan kuasa Barat ke negara kita.
4. Wujudnya sebuah revolusi yang dinamakan sebagai **Revolusi Perindustrian** yang menjadi salah satu punca kedatangan kuasa-kuasa Barat ini khususnya pada abad ke-17 dan 18.
5. Perkembangan industri **kereta** dan **mengetin** telah menyebabkan kuasa-kuasa Barat ingin memonopoli hasil-hasil yang terdapat di Tanah Melayu pada abad ke-19 dan 20.
6. **Kesuburan tanah** dan **kekayaan hasil bumi** di negara kita telah menyebabkan kuasa-kuasa Barat ingin mengeksploitasinya demi kepentingan mereka.
7. Pembukaan **Terusan Suez** dan penciptaan **kapal wap** telah merancakkan lagi kedatangan kuasa-kuasa Barat ke Tanah Melayu.
8. Kuasa Barat menggunakan slogan “**Beban Orang Putih**” dalam menyebarkan pengaruh dan tamadun mereka ke seberang laut.